

4.0 ASPEK SENI BAHASA

S.P 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

Nama / Ting : _____ / _____

Tarikh : _____

S.P 4.1.2 SYAIR BURUNG NURI

Aktiviti 1 (**MAKSUD**) : Padankan maksud dengan rangkap syair yang betul.

Penyair tersedar bahawa tiada gunanya hidup dalam kekecewaan sehingga boleh menyebabkan kehidupannya hancur.

Rangkap 1

Penyair menceritakan nasib malang yang ditempuhinya secara berulang-ulang kali sehingga boleh membawa kemudaratatan dan menyebabkan dirinya sentiasa dalam keadaan sedih dan kecewa.

Rangkap 2

Penyair juga memohon maaf sekiranya perkara yang ditulis daripada perasaan kecewanya itu menghasilkan kata-kata yang kurang menarik dalam warkah tersebut.

Rangkap 3

Penyair sedar apabila berada dalam keadaan yang sangat kecewa boleh menyebabkan fikirannya tidak waras. Sekiranya dituruti perasaan kecewa itu, penyair berfikir lebih baik mati daripada hidup dalam keadaan sebegitu.

Rangkap 4

Menurut penyair, seseorang itu dianggap hina jika dia tidak berakal, bersikap kurang sopan, berakhlak rendah, dan hidup dalam keadaan miskin.

Rangkap 5

Penyair menulis lembaran yang jelas tentang adab kepada pasangan yang sedang bercinta agar mereka tidak kecewa dan menjadikan surat sebagai saluran untuk meluahkan perasaan.

Rangkap 6

Penyair menceritakan sebuah warkah yang ditulis seorang yang dipandang hina sehinggakan kata-kata yang ditulisnya itu mungkin dianggap salah berdasarkan buah fikirannya yang kurang sempurna.

Rangkap 7

Penyair mengisahkan kehidupannya yang terumbang-ambing tanpa arah tuju, serta tidak terurus hingga melupakan makna dan minum.

Rangkap 8

Aktiviti 2 (TEMA DAN PERSOALAN) : Tentukan sama ada pernyataan yang diberi merupakan tema atau persoalan.

Pernyataan	Tema / Persoalan
Persoalan tentang kekecewaan yang boleh merosakkan kehidupan seseorang.	
Persoalan tentang kebijaksanaan dalam mengawal diri ketika bercinta.	
Adab dalam kehidupan seseorang.	
Persoalan tentang bersikap rasional dalam berfikir dan mengambil tindakan.	

Aktiviti 3 (BENTUK) : Pilih dan seret jawapan yang sesuai untuk melengkapkan bentuk sajak yang dikaji.

empat

terikat

maksud

terikat (aaaa)

sama

sepuluh hingga tiga belas suku kata

lapan

tiga hingga enam patah kata

- Syair ini berbentuk _____.
- Syair ini terdiri daripada _____ rangkap.
- Semua baris merupakan _____.
- Bilangan baris pada setiap rangkap adalah _____ iaitu _____ baris.
- Bilangan perkataan bagi setiap baris syair ini antara _____.
- Jumlah suku kata dalam syair ini antara _____.
- Rima akhirnya _____.